

**JABATAN UKUR BANGUNAN  
FAKULTISENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITITEKNOLOGI MARA**

**PIAWAIAN DAN SYARAT-SYARAT PEMBINAAN BANGUNAN DAN  
BLNAAN SEMENTARA DI TAPAK BINAAN  
(KAJIAN KES DI MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM)**

**SESSIJUN 2003 - NOVEMBER 2003**

Laporan latihan amali ini adalah satu keperluan di dalam latihan amali

DISEDIAKAN OLEH	: AHMAD SHAHARUDDIN BIN ABU HASSAN SAARI
PENSYARAH PENYELIA	ENCDC MD NADZARI BIN MOHAMMED JALIL

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
SHAH ALAM BANDARAYA ANGGERIK

**ISIKANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Prakata	iii
	Penghargaan	v
<b>1.0</b>	<b>Majlis Bandaraya Shah Alam</b>	
1.1	Sejarah Ringkas	1
1.2	Akta 171 Kerajaan Tempatan	2
1.3	Organisasi	3
1.4	Carta Organisasi	5
1.5	Sumber Tenaga	5
1.6	Perancangan dan Pembangunan	6
1.7	Peranan Jabatan / Agensi Luar	10
1.8	Jabatan Bangunan	12
<b>2.0</b>	<b>Skop Kerja Semasa Latihan Amali</b>	<b>20</b>
<b>3.0</b>	<b>Pembinaan Bangunan dan Binaan Semen tara Mengikut Kehendak MBSA</b>	<b>21</b>

\$#\*>

**BAB TAJUK****MUKASURAT****4.0 Syarat-syarat Pembinaan Bangunan Sementara,  
Pagar Keselamatan, Peranca Besi, Jaring  
Keselamatan dan Pelantar Perangkap**

4.1	Syarat-syarat Permohonan Bangunan dan Binaan Sementara	22
4.2	Jenis-jenis Bangunan Sementara	23
4.3	Jenis-jenis Binaan Sementara	30
4.4	Cadangan Rupabentuk Bangunan Sementara	40
4.5	Syarat-syarat Permit Papan Tanda Binaan	53

**5.0 Permit Bangunan dan Binaan Sementara**

5.1	Bayaran Fee Permit	60
5.2	Pemantauan dan Penguatkuasaan	60

**6.0 Permasalahan Bangunan dan Binaan Sementara****7.0 Kesimpulan dan Cadangan****I Lampiran-lampiran****\Rujukan**

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
SHAH ALAM BANDARAYA ANGGERBK**

**PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Ilahi, dengan limpah kurnia-Nya, dapat juga saya menyempurnakan laporan latihan amali ini sebagai hadiah untuk diri saya sendiri dalam menilai setakat mana kemampuan dan ilmu yang telah saya perolehi sepanjang tempoh latihan amali yang telah ditempuhi.

Terlebih dahulu ingin saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam yang sudi menerima saya untuk menjalani latihan amali selama lebih kurang 5 bulan di Jabatan Bangunan seterusnya menimba ilmu di sana.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Bangunan iaitu Hajah Rose Zairani Marmuji yang sentiasa membantu dalam memberi khidmat nasihat dan cadangan-cadangan yang bemas untuk penyiapan laporan ini. Penghargaan terima kasih juga saya tujukan khas buat Encik Mohd Seth bin Abdul Aziz iaitu salah seorang Juruteknik Kanan Jabatan Bangunan kerana menerima tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengambil saya berada dibawah seliaannya sepanjang menjalani latihan amali. Kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh latihan amali yang singkat ini amat berguna dan memberi banyak pengetahuan baru kepada saya.





## MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM SHAH ALAM BANDARAYA ANGGERJK

### 1.0 MAJLIS MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

#### 1.1 SEJARAH RINGKAS

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) ditubuhkan pada 7 Disember 1978 dengan nama Majlis Perbandaran Shah Alam (MPSA), serentak dengan perisytiharaan Bandar Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor Darul Ehsan setelah Kuala Lumpur diambil oleh kerajaan sebagai Wilayah Persekutuan. Bagaimana pentadbiran MBSA hanya mula beroperasi pada 1 Januari 1979.

Pada peringkat permulaan, pentadbiran MBSA beroperasi di rumah kedai, Seksyen 3 dan kemudian berpindah ke Kompleks PKNS pada tahun 1981. Hanya pada tahun 1988 kakitangan MBSA berpindah ke sebuah bangunan 28 tingkat yang dikenali sebagai WISMA MBSA.

Bangunan berharga RM141 juta ini menempatkan keseluruhan jabatan MBSA. Ruang Wisma juga disewakan kepada jabatan kerajaan yang lain dan juga kepada sektor swasta.

